

BAHAGIAN A

[20 markah]

Jawab semua soalan.**Soalan 1 hingga soalan 4**

Gariskan istilah yang betul bagi pernyataan berikut berdasarkan pilihan jawapan di bawah.

No	Pernyataan	Pilihan Jawapan
1	Kesungguhan dalam melakukan sesuatu ibadah dan pekerjaan semata-mata kerana Allah SWT.	Iman / Ihsan / Islam
2	Sarwajagat iaitu Islam ialah agama yang sesuai bagi semua manusia tanpa mengira bangsa, tempat dan zaman.	Syumuliyyah / Rabbaniyyah / 'Alamiyyah
3	Sistem ekonomi konvensional yang berpaksikan akal fikiran manusia semata-mata.	Sosialis / Komunis / Kapitalis
4	Menjalankan tugas dengan penuh tanggungjawab dan tidak menggunakan kedudukan untuk kepentingan diri sendiri.	Integriti / Efektif / Sistematik

[4 markah]

Soalan 5 hingga soalan 8

Lengkapkan pernyataan berikut dengan pilihan jawapan yang disediakan di bawah.

umum	tabarru'	al-Musawah	khusus	alam musyahadah	ta'awun
------	----------	------------	--------	-----------------	---------

- 5 Ibadah _____ merupakan semua amalan kebaikan yang disyariatkan oleh Allah SWT bagi menghubungkan manusia dalam sesebuah masyarakat demi kebaikan dan keharmonian hidup bersama.
- 6 Alam yang dapat ditanggapi oleh pancaindera dan akal manusia tentang kewujudannya ialah _____ .
- 7 Tolong-menolong antara rakan peserta skim takaful yang ditimpa musibah tertentu adalah maksud bagi _____ .
- 8 Antara prinsip negara Islam ialah _____ iaitu setiap individu dilayan dan dihormati tanpa mengira pangkat atau kedudukan masing-masing.

[4 markah]



SERTAI TELEGRAM @exercise_students


5226 © Hak Cipta MPSM Kuala Lumpur

SULIT

[Lihat halaman sebelah]

Soalan 9 hingga soalan 10

Lengkapkan rajah di bawah dengan jawapan yang betul berkaitan asas pergaulan dalam Islam.



9 S ialah _____

10 T ialah _____

[2 markah]

Soalan 11 hingga soalan 12

Lengkapkan jadual di bawah dengan jawapan yang betul berkaitan peranan institusi kewangan Islam.

Institusi Kewangan Islam	Peranan
U	Membahagikan semula manfaatnya kepada rakyat secara adil.
Wakaf	Memastikan harta wakaf ditadbir dengan baik dan efisien supaya masyarakat Islam mendapat faedah daripada harta wakaf.

V	Menyediakan kemudahan menyimpan wang untuk menunaikan haji kepada pendeposit.
---	---


11 U ialah _____

12 V ialah _____

[2 markah]

Soalan 13 hingga soalan 14

Tulis jawapan yang betul bagi melengkapkan carta di bawah berkaitan *proses kejadian insan*.



13 W merupakan _____

14 X merupakan _____

[2 markah]

Soalan 15 hingga soalan 16

Tulis jawapan yang betul bagi melengkapkan jadual di bawah berkaitan *ciri-ciri pentadbir dan pengurus yang baik*.

Ciri-ciri Pentadbir dan Pengurus yang Baik	Pernyataan
Y	Melakukan pekerjaan dengan tulus dan sepenuh hati.
Amanah	Menjalankan tanggungjawab dengan sebaik mungkin.
Z	Menjana idea baharu ke arah kemajuan.



Integriti	Bersikap telus dalam melaksanakan tadbir urus sesebuah masyarakat dan negara.
-----------	---

15 Y merupakan _____

16 Z merupakan _____

[2 markah]

Soalan 17 hingga soalan 20

Tandakan (✓) pada pernyataan yang betul dan tandakan (✗) pada pernyataan yang salah.

17 Antara kelebihan sistem sosial Islam adalah menjamin hak asasi manusia.

☐

18 Suami tidak perlu bertanggungjawab menyediakan keperluan asas.

☐

19 Kadar diat berat bagi membunuh dengan sengaja adalah 100 ekor unta yang dibayar secara ansuran selama 3 tahun.

☐

20 Hikmah pentadbiran mengikut syariat adalah untuk memajukan organisasi dan negara.

☐

[4 markah]


BAHAGIAN B

[80 markah]

Jawab empat soalan sahaja.

- 1 (a) Senaraikan **empat** amalan yang dapat membuktikan pegangan akidah yang benar.

[4 markah]



Gambar 1

- (b) (i) Berdasarkan gambar di atas, ramalkan kesan daripada tindakan mereka.

[2 markah]

- (ii) Cadangkan langkah yang anda boleh lakukan untuk membantu rakan anda di atas.



[4 markah]

(c) Nyatakan maksud pekerjaan menurut Islam.

[2 markah]

(d) (i) Senaraikan **empat** jenis sistem ekonomi konvensional.

[4 markah]

(ii) Terangkan **dua** kesan pengabaian sistem ekonomi Islam.

[4 markah]

- 2 (a) Nyatakan **dua** peringkat alam yang akan dilalui oleh manusia.

[2 markah]

- (b) (i) Jelaskan **dua** tanggungjawab manusia sesama manusia.

[4 markah]

- (ii) Terangkan **dua** punca pengabaian tanggungjawab manusia sebagai hamba dan khalifah Allah SWT.

[4 markah]

Perundangan Islam bermaksud hukum-hukum yang ditetapkan oleh Allah SWT kepada manusia dalam pelbagai aspek kehidupan.

(c) Jelaskan **dua** cara perundangan Islam memelihara agama.

[4 markah]



Gambar 2

- (d) (i) Berdasarkan gambar di atas, nyatakan matlamat perundangan Islam yang bersesuaian.

[1 markah]

- (ii) Ramalkan jika perbuatan ini tidak dibendung dalam masyarakat kita pada hari ini.

[5 markah]


- 3 (a) (i) Apakah maksud adab?

[2 markah]

Islam amat mementingkan aspek hak asasi manusia
antaranya melindungi nyawa.

- (ii) Jelaskan **dua** hak asasi manusia terhadap perlindungan nyawa.

[4 markah]



Gambar 3

- (b) Sebagai seorang pengguna jalan raya yang bertanggungjawab, bagaimanakah anda menjaga nyawa diri sendiri dan orang lain?

[4 markah]

- (c) Nyatakan **dua** prinsip tadbir urus dalam Islam.

[2 markah]

Sistem pentadbiran dan pengurusan Islam pada zaman Khulafa Ar-Rasyidin merupakan sistem yang dikemaskini daripada zaman Rasulullah SAW.

- (d) Jelaskan **dua** dasar pentadbiran dan pengurusan yang diamalkan pada zaman Khulafa Ar-Rasyidin.

[4 markah]

- (e) Terangkan **dua** kepentingan melaksanakan tadbir urus dalam sistem pentadbiran dan pengurusan Islam terhadap individu.

[4 markah]



- 4 (a) (i) Nyatakan maksud Waqi'iyah.

[2 markah]

- (ii) Jelaskan **dua** ciri Waqi'iyah.

[4 markah]

- (b) Jelaskan **dua** prinsip Murunah dalam beribadah.

[4 markah]

Sabda Rasulullah SAW:

"Tidak ada sesuatu yang dimakan oleh seseorang yang lebih baik daripada apa-apa yang dimakan daripada usaha tangannya sendiri. Dan sesungguhnya Nabi Daud a.s. makan daripada usaha tangannya sendiri."

(Riwayat al-Bukhari)

- (c) Terangkan **dua** peranan pekerjaan dalam kehidupan manusia.

[4 markah]

- -Menyediakan urusan muamalat yang patuh syariah.
- -Mempromosikan produk-produk kewangan Islam.

(d) (i) Apakah institusi kewangan tersebut?

[1 markah]

(ii) Bagaimanakah muamalat tersebut dapat digunakan secara meluas dalam kehidupan umat Islam?

[5 markah]

- 5 (a) (i) Nyatakan **dua** ciri wahyu.

[2 markah]

- (ii) Jelaskan fungsi wahyu terhadap akidah.

[2 markah]



Gambar 4

- (b) (i) Berdasarkan keratan akhbar di atas, berikan contoh larangan Allah SWT.

[1 markah]

- (ii) Bincangkan kepentingan wahyu dalam membimbing akal agar terpelihara dari perkara tersebut.

[5 markah]

- (c) (i) Terangkan cara pelaksanaan sistem kehakiman di zaman Rasulullah SAW.

[2 markah]

- (ii) Jelaskan **dua** hukuman jenayah dalam Islam.

[4 markah]

- (iii) Senaraikan **empat** hukuman bagi kesalahan takzir.

[4 markah]



- 6 (a) Nyatakan **dua** sumber utama sistem sosial Islam.

[2 markah]

- (b) (i) Jelaskan **dua** prinsip pergaulan Islam.

[4 markah]

- (ii) Terangkan **dua** kepentingan prinsip pergaulan Islam dari aspek sosial.

[4 markah]

- (c) (i) Senaraikan **empat** elemen pembentukan negara Islam.

[4 markah]

Kerajaan Laksana Sekatan Akses Akaun Media Sosial Bagi Kanak-Kanak Hujung Jun - Fahmi

Kerajaan akan melaksanakan sekatan akses akaun media sosial bagi kanak-kanak bawah 16 tahun sebagai langkah memperkukuh perlindungan dalam talian.

Menteri Komunikasi, Datuk Fahmi Fadzil berkata sekatan akses itu dijangka dilaksanakan hujung Jun ini, tertakluk kepada penelitian akhir.

Sumber: Bernama, 16 April 2026

- (ii) Berdasarkan kenyataan dari portal berita di atas, nyatakan aspek Piagam Madinah yang sesuai dengan petikan tersebut.

[1 markah]

- (iii) Ramalkan kesan kepada masyarakat sekiranya tiada sekatan akses dikenakan.

[5 markah]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

